

## 11.0 KAJIAN SOSIOLOGI PADI INBRED DI KAWASAN MADA DAN IADA PULAU PINANG

---

Fadhilah Annaim Huda Hashim dan Ahmad Zairy Zainol Abidin

### 11.1 PENDAHULUAN

Industri padi dan beras sering diberi keutamaan oleh kerajaan dalam setiap polisi dan strategi negara sejak Dasar Pertanian Negara Pertama lagi (DPN1). Pengeluaran padi masih menjadi fokus utama dalam Dasar Agromakanan Negara (DAN 2011 – 2020) dan Rancangan Malaysia yang ke 11 (RMK 11 : 2016 – 2020). Di dalam DAN 2011-2020, kerajaan menyasarkan peningkatan produktiviti pengeluaran padi kepada 5.0 mt/ha secara purata pada tahun 2020. Manakala dalam RMK 11, fokus utama ditumpukan kepada jaminan bekalan makanan, meningkatkan produktiviti, meningkatkan kemahiran petani, menambah baik khidmat sokongan dan penyampaian (Rosnani; 2016).

Perbelanjaan yang besar telah banyak disalurkan kepada industri ini. Perbelanjaan ini termasuklah pemberian subsidi input dan insentif bagi meningkatkan hasil padi. Namun perkembangannya agak rendah jika dibandingkan dengan sumbangan besar daripada kerajaan. Kajian penilaian ekonomi sering dilaksanakan untuk menilai kecekapan industri padi dan beras. Kajian terhadap subsidi juga ada dilaksanakan untuk menilai keberkesannya kepada petani dari semasa ke semasa.

Penyelidik mendapati masih terdapat beberapa faktor yang perlu ditambah di dalam kajian penilaian hasil padi dan subsidi. Faktor-faktor yang masih belum sepenuhnya dikaji ialah faktor sosiologi petani. Kajian ini amat penting dilaksanakan bagi memastikan semua faktor penyumbang kepada peningkatan hasil di analisa secara mendalam.


Sosiologi adalah ilmu yang mempelajari hubungan antara individu dengan individu, individu dengan masyarakat, dan masyarakat dengan masyarakat. Selain itu, sosiologi adalah ilmu yang membicarakan apa yang sedang terjadi saat ini, khususnya pola-pola hubungan dalam masyarakat serta berusaha mencari pengertian-pengertian umum, rasional, empiris serta bersifat umum.

Kajian sosiologi ini bertujuan untuk menilai faktor sosiologi pertanian yang mempengaruhi kehidupan petani di kawasan terpilih. Penyelidik mengkaji hubungan petani yang menjalankan aktiviti penanaman padi dengan persekitarannya sama ada dengan petani lain, organisasi sosial pertanian, hubung kait mereka dengan amalan yang sering dilaksanakan dan sebagainya (Planks; 1993). Kajian melihat sama ada hubungan-hubungan ini mempengaruhi perbezaan hasil padi yang sering dialami oleh petani.

Selain itu, penyelidik juga mengkaji keberkesanan input subsidi yang petani peroleh setiap musim dengan melihat sama ada pemberian subsidi meningkatkan kepuasan mereka terhadap hasil padi dan pendapatan.

### 11.2 LATAR BELAKANG


Sosiologi adalah suatu disiplin masyarakat manusia. Ia merupakan satu bidang kajian yang sistematik terhadap pengaruh hubungan sosial ke atas tingkah laku serta tindakan manusia dan bagaimana sesebuah masyarakat mengalami perubahan. Ia dapat memberi gambaran jelas tentang apa yang dilakukan oleh sesebuah kelompok masyarakat. Terdapat lima aras dalam mengkaji kehidupan sosial berdasarkan sosiologi seperti yang ditunjukkan dalam *Rajah 11.1*.



Sumber: Najeemah Mohd Yusof (2010)

**Rajah 11.1:** Aras kehidupan sosial

Ahli sosiologi sering berbeza pendapat tentang aras yang lebih penting untuk dikaji. Namun begitu persamaan yang menjadi fokus utama sosiologi ialah manusia dalam masyarakat dan tindakan yang diambil yang mempengaruhi kehidupan sosial mereka. Terdapat beberapa aliran pemikiran utama dalam sosiologi iaitu *functional*, radikal dan konflik.



**Rajah 11.2:** Aliran pemikiran

Daripada tiga corak pemikiran tersebut, penyelidik mengenal pasti kesesuaian untuk diadaptasi dalam kajian sosiologi padi inbred ini dan memilih untuk mendalami aliran konflik. Beberapa teori yang dikenal pasti dalam aliran pemikiran ini ialah teori tindakan sosial dan teori modenisasi.

### 11.2.1 Teori tindakan sosial

Secara umum, tindakan sosial adalah perbuatan manusia yang dilakukan dengan maksud dan tujuan tertentu. Menurut Max Weber, tindakan sosial adalah tindakan yang dapat mempengaruhi individu dalam masyarakat. Weber membezakan tindakan sosial manusia ke dalam empat jenis iaitu;-

1. Tindakan rasional instrumental (*Zwerk rational*)

Tindakan ini merupakan suatu tindakan yang dilakukan oleh seseorang berdasarkan

pertimbangan dan pilihan yang berhubung dengan tujuan tertentu dan alat yang digunakan untuk mencapainya. Contohnya; seorang petani sering menghadapi masalah perosak (tikus) dan tidak tahu untuk menyelesaikannya, akhirnya dia mengikuti kursus berkaitan pengurusan penyakit dan perosak agar dapat menyelesaikan masalah dengan bermula daripada punca masalah tersebut.

2. Tindakan rasional nilai (*Werk rational*)  
Tindakan ini memiliki sifat bahawa alat yang ada hanya merupakan pertimbangan dan perhitungan yang sedar, sedangkan tujuan-tujuannya sudah ada di dalam hubungannya dengan nilai individu. Contohnya; petani yang menghadapi masalah perosak bertanya cara penyelesaian dengan petani lain yang lebih berpengalaman.
3. Tindakan afektif - yang dipengaruhi emosi (*affectual ation*)  
Tindakan ini lebih didominasi perasaan atau emosi tanpa refleksi intelektual atau peranan jangka panjang. Tindakan afektif bersifat spontan, tidak rasional dan merupakan ekspresi emosional individu. Contohnya, petani yang menghadapi masalah perosak membakar sarang tikus yang ditemuinya.
4. Tindakan tradisional - kerana kebiasaan (*tradisional action*)  
Tindakan ini dilakukan kerana kebiasaan yang dilaksanakan sejak turun temurun, tanpa refleksi sedar atau perancangan. Contohnya; petani menggunakan racun tikus untuk membunuh tikus yang mengganggu tanamannya.

### 11.2.2 Teori modernisasi

Terdapat beberapa teori modernisasi yang dicetuskan oleh beberapa ahli sosiologi.

1. Teori W.W. Rostow: Lima Tahap Pembangunan  
Teori ini dicetuskan oleh Pearson dan Rostow, yang menyatakan modernisasi adalah perkara yang diinginkan dan proses yang penting untuk mencapai kemajuan. Teori modernisasi Rostow mengatakan bahawa pembangunan merupakan proses yang bergerak dalam sebuah garis lurus, iaitu dari masyarakat yang mundur kepada masyarakat yang maju.
2. Teori Max Weber: Etika Protestan  
Teori modernisasi Max Weber menekankan tentang nilai-nilai budaya yang menjelaskan tentang peranan agama dalam pembentukan kapitalisme. Peranan agama mempengaruhi tingkah laku individu. Kalau nilai-nilai yang hidup dalam masyarakat dapat diarahkan kepada sikap yang positif terhadap pertumbuhan ekonomi, maka proses pembangunan dalam masyarakat dapat terlaksana.
3. Teori Harrod-Domar: Modal dan Investasi  
Roy Harrod dan Evsey Domar adalah ahli ekonomi yang berbicara tentang teori ekonomi pembangunan yang menekankan pada penyediaan modal dan investasi. Dalam Teori modernisasi Harrod-Domar, mereka berkesimpulan bahawa pembangunan akan berhasil dan terlaksana dengan baik jika pertumbuhan ekonomi ditentukan oleh tingginya modal dan investasi.
4. Teori Bert. F. Hoselitz : Faktor-Faktor Non Ekonomi  
Menurut Hoselitz masalah utama pembangunan bukan hanya sekadar masalah kekurangan modal, tetapi ada masalah lain yang juga sangat penting yakni adanya keterampilan kerja tertentu. Teorinya menekankan perlunya institusi / organisasi yang tertentu dalam proses pertumbuhan ekonomi. Hoselitz menyatakan, untuk membangun, beberapa sumber perlu dimasukkan, iaitu;-
  - a. Sumber modal dan perbankan
  - b. Sumber tenaga kerja berketerampilan

5. Teori Alex Inkeles dan David. H. Smith : Manusia Modern

Teori modernisasi Alex Inkeles dan David Smith menekankan tentang lingkungan sumber pekerjaan. Teori menekankan kepentingan faktor manusia sebagai komponen penting pembangunan manusia moden. Ciri-ciri dari manusia moden adalah seperti:- keterbukaan terhadap pengalaman dan idea baru, berorientasi ke masa sekarang dan masa depan dan mempunyai keupayaan untuk merancang.

Teori David McClelland: Dorongan Berprestasi atau n-Ach Teori modernisasi David McClelland ini menekankan pada aspek-aspek psikologi individu. Bagi McClelland, proses pembangunan bermaksud membentuk manusia dengan n-Ach yang tinggi. Jika manusia yang berprestasi dapat dibentuk dalam jumlah yang banyak, maka proses pembangunan dalam masyarakat tersebut dapat terlaksana dengan baik.

## 11.3 METODOLOGI KAJIAN

### 11.3.1 Sumber data

Kajian sosiologi ini menggunakan data primer dan sekunder daripada kajian penilaian ekonomi padi inbred di kawasan MADA dan IADA Pulau Pinang (Bab 10). Data sekunder diperoleh daripada agensi yang terlibat iaitu MADA dan IADA Pulau Pinang. Maklumat keluasan dan pembahagian kawasan di analisa untuk mendapatkan kaedah pensampelan yang bersesuaian. Survei (data primer) kepada petani dijalankan dengan menggunakan borang soal selidik berstruktur. Borang soal selidik dibina berdasarkan analisa survei kumpulan fokus yang dijalankan di pejabat MADA dan IADA Pulau Pinang. Maklumat berkaitan sosiologi yang di kumpul ialah:-

1. Latar belakang petani,
2. Pengurusan masa lapang,
3. Keberkesanan subsidi,
4. Keberkesanan maklumat / bantuan / teknologi yang diterima daripada institusi / agensi,
5. Tahap kepentingan aktiviti pengurusan ladang,
6. Pendapatan dan hasil padi,
7. Pengaruh faktor persekitaran terhadap penanaman padi,
8. Persepsi dan pandangan terhadap amalan penanaman,
9. Masalah pengamalan teknologi baru.

### 11.3.2 Pengumpulan data

Pada tahun 2016, kajian penilaian ekonomi dan sosiologi padi inbred memulakan pengumpulan data di dua jelapang padi iaitu:-

1. MADA
2. IADA Pulau Pinang

Pengumpulan data primer melalui dua fasa. Fasa pertama ialah pengumpulan maklumat melalui survei kumpulan fokus yang dijalankan terhadap pegawai pengembangan, petani dan *service provider*. Maklumat yang dikumpul ialah tarikh penanaman, jenis tanah, varieti padi yang ditanam, kategori *service provider* dan amalan penanaman padi.

Fasa kedua dijalankan oleh pegawai pengembangan di kawasan jelapang terpilih. Pengumpulan data dilaksanakan selama dua musim iaitu musim utama dan luar musim. Bagi tahun 2016 ini, data dikumpul untuk penanaman padi luar musim. Kajian menggunakan kaedah pensampelan berstrata. *Service provider* dipilih secara rawak daripada setiap kawasan.

Empat orang petani yang menggunakan perkhidmatan *service provider* dipilih berdasarkan tiga kategori pengeluaran hasil terakhir iaitu hasil tinggi, sederhana dan rendah. Seorang petani yang tidak menggunakan perkhidmatan *service provider* dipilih secara rawak daripada setiap kawasan. *Jadual 11.1* menunjukkan pensampelan responden.

**Jadual 11.1:** Bilangan responden mengikut Jelapa

Jelapang	Kawasan (wilayah/daerah/jajahan/zon)	Luar Musim 2016	
		<i>Service provider</i>	Petani
MADA	4	12	60
IADA Pulau Pinang	3	12	60

### 11.3.3 Analisis kajian

Perisian *Statistical Package for Social Sciences extended (SPSS)* digunakan bagi menganalisis data kajian ini.

1. Analisis faktor digunakan untuk mendapatkan beberapa faktor / komponen utama yang mampu menjelaskan hubungan antara variabel bebas yang banyak. (Ahmad Hashim; 2014).
2. Analisis Pearson khi kuasa dua dijalankan untuk menentukan sama ada terdapat pertalian atau hubungan yang signifikan di antara variabel. Analisis ini tidak menerangkan kekuatan hubungan. Bagi menentukan kekuatan hubungan antara variabel, ujian phi (kategori variabel 2x2) atau Cramer's V digunakan (kategori variabel lebih 2x2) (Bhasah Abu Bakar; 2007). Bagi analisis Cramer's V, ciri kekuatan hubungan dapat diterangkan seperti berikut:-
  - 0 hingga 0.1 - perhubungan yang sangat lemah
  - 0.1 hingga 0.3 - perhubungan yang lemah
  - 0.3 hingga 0.5 - perhubungan yang sederhana
  - > 0.5 - perhubungan yang kuat
 (Coefficients for measuring association).

## 11.4 DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Kajian sosiologi ini hanya menggunakan data daripada petani. Profil responden boleh dirujuk di Bab 10 – Kajian penilaian padi inbred di kawasan MADA dan IADA Pulau Pinang.

Terdapat dua hipotesis yang dikaji iaitu;-

$H_0$  = tiada hubungan yang signifikan di antara faktor sosiologi dengan jurang hasil petani

$H_0$  = tiada hubungan yang signifikan di antara faktor sosiologi penggunaan input subsidi dengan kesan subsidi dan pendapatan petani

### 11.4.1 Faktor-faktor sosiologi yang menyumbang kepada jurang hasil di kalangan petani

#### 11.4.1.1 Faktor-faktor sosiologi jurang hasil

Faktor pertama yang dikenal pasti ialah tahap pengetahuan petani terhadap amalan penanaman padi. Teori tindakan sosial – rasional instrumental menyatakan petani membuat suatu tindakan rasional iaitu mendalami ilmu pengetahuan mengenai penanaman padi kerana ingin memastikan pendapatan mereka tinggi dan meningkat.

Terdapat lapan item pengetahuan yang termasuk di dalam komponen/faktor pengetahuan. *Jadual 11.2* menunjukkan lapan item ini mewakili 70% (eigenvalue) faktor pengetahuan.

**Jadual 11.2:** Analisis faktor tahap pengetahuan terhadap amalan penanaman padi

KMO and Bartlett's Test		
Kaiser-Meyer-Olkin Measure of Sampling Adequacy.		.904
Bartlett's Test of Sphericity	Approx. Chi-Square	749.846
	df	28
	Sig.	.000

Nota: Bartlett's Test of Sphericity signifikan pada  $p < 0.000$  dan Kaiser-Meyer-Olkin diterima pada nilai  $> 0.60$

	Komponen Pengetahuan
Pengetahuan terhadap pembajaan	0.902
Pengetahuan terhadap pengurusan rumpai	0.901
Pengetahuan terhadap pembajakan tanah	0.866
Pengetahuan terhadap penyediaan tanah	0.839
Pengetahuan terhadap penyediaan benih dan penanaman	0.833
Pengetahuan terhadap pengurusan air	0.814
Pengetahuan terhadap pengurusan perosak dan penyakit	0.790
Pengetahuan terhadap pengurusan lepas tuai	0.756
Initial Eigenvalues	70.40%

Faktor sosiologi yang berikutnya ialah keberkesanan maklumat / bantuan / teknologi yang diperoleh daripada agensi terlibat. Analisis faktor (*Jadual 11.3*) menunjukkan terdapat dua komponen utama yang mewakili 65% faktor maklumat iaitu tujuh item dalam faktor maklumat1 dan tiga item dalam maklumat2. Teori modenisasi oleh Bert F. Hoselitz menyatakan untuk pembangunan sesebuah masyarakat, bantuan sumber daripada institusi / agensi terlibat sangat diperlukan. Keberkesanan maklumat, bantuan dan teknologi yang disediakan oleh agensi kerajaan merupakan faktor penting kepada peningkatan hasil pengeluaran petani.

**Jadual 11.3:** Analisis faktor keberkesanan maklumat/bantuan/teknologi terhadap peningkatan hasil padi

KMO and Bartlett's Test		
Kaiser-Meyer-Olkin Measure of Sampling Adequacy.		.834
Bartlett's Test of Sphericity	Approx. Chi-Square	586.431
	df	45
	Sig.	.000

Nota: Bartlett's Test of Sphericity signifikan pada  $p < 0.000$  dan Kaiser-Meyer-Olkin diterima pada nilai  $> 0.60$

	Komponen maklumat1	maklumat2
Keberkesanan maklumat pengurusan lepas tuai	0.793	
Keberkesanan teknologi peralatan sawah	0.783	
Keberkesanan maklumat amalan pertanian	0.781	
Keberkesanan bantuan pembajaan	0.766	
Keberkesanan teknologi pengairan	0.758	
Keberkesanan maklumat pengurusan tanah	0.715	

Keberkesanan bantuan kewangan / subsidi	0.699	
Keberkesanan maklumat pengurusan rumpai		0.409
Keberkesanan maklumat kaedah penanaman		0.888
Keberkesanan maklumat pengurusan penyakit / perosak		0.842
Initial Eigenvalues	65.32%	

Faktor persekitaran ialah faktor sosiologi yang juga dianalisa dalam kajian ini. Faktor persekitaran merupakan suatu masalah yang sering mempengaruhi penanaman padi. Faktor ini kebanyakannya merupakan bencana alam yang tidak dapat dielakkan. Soalan ini ditanya kepada petani bagi memastikan sama ada mereka merasa terganggu dengan faktor-faktor ini. Teori modenisasi oleh David McClelland menekankan pada aspek psikologi individu. Bagi mendorong pembangunan, manusia perlu dibentuk dengan prestasi yang tinggi. Mereka perlu berupaya menangani pelbagai masalah yang tidak dapat dielakkan berbanding hanya memberi alasan.

Analisis faktor (*Jadual 11.4*) menunjukkan 73% item persekitaran mewakili tiga komponen utama iaitu empat item untuk faktor persekitaran1 dan tiga item dalam faktor persekitaran2.

**Jadual 11.4:** Analisis faktor persekitaran yang mempengaruhi penanaman padi

KMO and Bartlett's Test		
Kaiser-Meyer-Olkin Measure of Sampling Adequacy.		.669
Bartlett's Test of Sphericity	Approx. Chi-Square	201.274
	df	21
	Sig.	.000

Nota: Bartlett's Test of Sphericity signifikan pada  $p < 0.000$  dan Kaiser-Meyer-Olkin diterima pada nilai  $> 0.60$

	Komponen	
	persekitaran1	persekitaran2
Pengaruh pencemaran udara (jerebu / asap kilang / kenderaan)	0.850	
Pengaruh pencemaran air (sisa kilang / racun)	0.840	
Pengaruh perubahan cuaca ( <i>climate change</i> )	0.869	
Pengaruh bencana alam (banjir / kemarau)	0.697	
Pengaruh keadaan tanah (jenis / topografi)		0.845
Pengaruh sumber air		0.627
Pengaruh pengurusan sisa jerami		0.620
Initial Eigenvalues (Cumulative %)		72.56%

Faktor amalan yang mempengaruhi padi diadaptasi daripada teori tindakan tradisional. Petani ditanya sama ada amalan yang kebiasaan dilaksanakan oleh mereka boleh mempengaruhi hasil padi. Analisis faktor (*Jadual 11.5*) menunjukkan 63% (eigenvalue) diwakili oleh dua faktor amalan utama. Faktor amalan1 mempunyai lima item dan faktor amalan2 mempunyai empat item.

**Jadual 11.5:** Analisis faktor amalan yang mempengaruhi hasil padi

KMO and Bartlett's Test		
Kaiser-Meyer-Olkin Measure of Sampling Adequacy. .699		
Bartlett's Test of Sphericity	Approx. Chi-Square	504.131
	df	55
	Sig.	.000

Nota: Bartlett's Test of Sphericity signifikan pada  $p < 0.000$  dan Kaiser-Meyer-Olkin diterima pada nilai  $> 0.60$

	Komponen	
	amalan.1	amalan.2
Pengaruh amalan kawalan rumpai	0.806	
Pengaruh amalan kawalan perosak/penyakit	0.803	
Pengaruh kecekapan penuaian	0.748	
Pengaruh musim/keadaan cuaca	0.625	
Pengaruh status air	0.546	
Pengaruh amalan penggunaan kadar benih		0.843
Pengaruh kualiti benih		0.827
Pengaruh kualiti petak sawah		0.602
Pengaruh status nutrien tanah		0.493
Initial Eigenvalues (Cumulative %)	63.32%	

*Jadual 11.6* menunjukkan analisis faktor pandangan petani terhadap beberapa kenyataan yang diberikan. Mereka perlu menjawab sama ada setuju atau tidak. Terdapat beberapa teori boleh diadaptasi dalam kenyataan tersebut. Analisis menunjukkan terdapat dua faktor utama pandangan dengan 63% nilai eigenvalue. Lima item termasuk di dalam faktor pandangan1 dan lima item berada dalam faktor pandangan2.

Terdapat satu lagi faktor sosiologi yang dimasukkan dalam kajian ini iaitu faktor masa lapang. Petani ditanya mengenai gaya hidup mereka sewaktu masa lapang. Mereka perlu menyatakan sama ada mereka melakukan aktiviti keagamaan, aktiviti sukan dan rekreasi, aktiviti kejiwaan, aktiviti sosial atau hanya berehat di rumah sewaktu masa lapang. Item yang dikaji ialah kepuasan mereka terhadap aktiviti masa lapang yang diikuti.

**Jadual 11.6:** Analisis faktor pandangan terhadap amalan penanaman padi

KMO and Bartlett's Test		
Kaiser-Meyer-Olkin Measure of Sampling Adequacy. .784		
Bartlett's Test of Sphericity	Approx. Chi-Square	424.065
	df	45
	Sig.	.000

Nota: Bartlett's Test of Sphericity signifikan pada  $p < 0.000$  dan Kaiser-Meyer-Olkin diterima pada nilai  $> 0.60$



	Component	
	Pandangan1	Pandangan2
150.n.Petani perlu mempunyai motivasi yang tinggi untuk berjaya dalam penanaman padi	.861	
150.j.Petani perlu didedahkan dengan amalan teknologi baru meningkatkan hasil	.804	
150.m.Pegawai daripada agensi berkaitan perlu lebih kerap memberi penerangan dan tunjuk ajar kepada petani	.772	
150.l.Petani perlu menggunakan modal tambahan sekiranya ingin mendapat pulangan hasil yang lebih tinggi	.629	
150.i.Petani perlu membuat rekod ladang untuk input dan output	.624	
150.h.Petani perlu mengira keuntungan sekurang-kurangnya 3 musim untuk tahu peningkatan dalam margin keuntungan		.858
150.c.Faktor kejayaan petani adalah bergantung pada adanya perancangan menguruskan sawah berbanding bekerja keras di sawah		.784
150.a.Penanaman padi dapat meningkatkan taraf hidup petani		.665
150.b.Petani perlu mempelajari teknologi baru penanaman padi di samping pengalaman dalam pertanian yang sedia ada		.616
150.k.Petani perlu membuat perbincangan dengan rakan-rakan petani mengenai teknologi terkini		.453
Initial Eigenvalues (Cumulative %)		57.11%

#### 11.4.1.2 Faktor-faktor sosiologi penyumbang kepada jurang hasil

Bagi mengenal pasti faktor-faktor sosiologi yang menyumbang kepada jurang hasil padi, hipotesis 1 digunakan:-

$H_0$  = tiada hubungan yang signifikan di antara faktor sosiologi dengan jurang hasil petani

Variabel bersandar yang dikaji ialah  $Y$  = jurang hasil padi petani. Variabel bebas yang dikaji ialah seperti berikut:-

$X_1$  = faktor tahap pengetahuan terhadap amalan penanaman padi

$X_2$  = faktor keberkesanan maklumat / bantuan /teknologi terhadap peningkatan hasil padi – maklumat1 dan maklumat2

$X_3$  = faktor persekitaran yang mempengaruhi penanaman padi – persekitaran1 dan persekitaran2

$X_4$  = faktor amalan yang mempengaruhi hasil padi – amalan1 dan amalan2

$X_5$  = faktor pandangan terhadap amalan penanaman padi – pandangan1 dan pandangan2

$X_6$  = faktor masa lapang

Analisis yang dijalankan untuk objektif ini ialah ujian perhubungan antara variabel (Pearson khi kuasa dua) dan ujian kekuatan hubungan antara variabel (Symmetric measures - Cramer's V). *Jadual 11.7* ialah analisis keseluruhan petani di kedua-dua jelapang yang dikaji. Hasil kajian menunjukkan empat faktor sosiologi mempunyai hubungan yang signifikan dengan jurang hasil padi iaitu faktor maklumat1 (signifikan pada aras keertian 0.01) dan faktor amalan1 (signifikan pada aras keertian 0.05). Seterusnya faktor persekitaran1 dan amalan2 (signifikan pada aras keertian 0.1).

Ujian kekuatan hubungan antara variabel menunjukkan hubungan faktor maklumat1 dan amalan1 dengan jurang hasil adalah sederhana kerana nilai Cramer's V berada di antara 0.3 – 0.5. Kekuatan hubungan faktor persekitaran2 dan amalan2 dengan jurang hasil adalah lemah kerana nilai Cramer's V berada di antara 0.1 – 0.3.

*Jadual 11.8* ialah analisis hubungan faktor sosiologi dengan jurang hasil bagi petani di MADA. Hasil kajian menunjukkan hanya satu faktor sosiologi mempunyai hubungan yang signifikan dengan jurang hasil padi iaitu faktor amalan1 (signifikan pada aras keertian 0. 1).

Seterusnya *Jadual 11.9* ialah analisis hubungan faktor sosiologi dengan jurang hasil bagi petani di IADA Pulau Pinang. Hasil kajian mendapati hanya satu faktor sosiologi sahaja yang mempunyai hubungan yang signifikan dengan jurang hasil iaitu faktor persekitaran2 (signifikan pada aras keertian 0.1).

Kesemua faktor yang mempunyai hubungan yang signifikan dengan jurang hasil mempunyai kekuatan hubungan yang sederhana kerana nilai Cramer's V berada di antara 0.3 – 0.5.

**Jadual 11.7:** Analisis hubungan faktor sosiologi dengan jurang hasil : keseluruhan

Faktor sosiologi vs jurang hasil	N	Peratus (%)	Pearson Chi-Square	Symmetric measures (Cramer's V)	Approx. sig.
Pengetahuan	113	94.2	33.238	0.313	0.601
Maklumat 1	102	85.0	50.661	0.407	0.001***
Maklumat 2	109	90.8	8.338	0.160	0.758
Persekitaran 1	117	97.5	31.490	0.300	0.251
Persekitaran 2	117	97.5	23.776	0.260	0.069*
Amalan 1	120	100.0	39.099	0.330	0.010**
Amalan 2	119	99.2	24.145	0.260	0.063*
Pandangan 1	116	96.7	24.238	0.264	0.282
Pandangan 2	120	100.0	23.687	0.257	0.308
Aktiviti lapang	118	98.3	3.932	0.129	0.686

\*signifikan pada aras keertian 0.1

\*\*signifikan pada aras keertian 0.05

\*\*\*signifikan pada aras keertian 0.01

**Jadual 11.8:** Analisis hubungan faktor sosiologi dengan jurang hasil : MADA

Faktor sosiologi vs jurang hasil	N	Peratus (%)	Pearson Chi-Square	Symmetric measures (Cramer's V)	Approx. sig.
Pengetahuan	54	90.0	19.122	0.421	0.262
Maklumat 1	54	90.0	3.580	0.182	0.733
Maklumat 2	54	90.0	5.031	0.216	0.540
Persekitaran 1	57	95.0	17.975	0.397	0.208
Persekitaran 2	59	98.3	10.014	0.291	0.264
Amalan 1	60	100.0	19.345	0.402	0.081*
Amalan 2	60	100.0	9.563	0.282	0.480
Pandangan 1	60	100.0	21.787	0.426	0.040
Pandangan 2	60	100.0	19.051	0.398	0.163
Aktiviti lapang	58	96.7	1.598	0.117	0.809

\*signifikan pada aras keertian 0.1

**Jadual 11.9:** Analisis hubungan faktor sosiologi dengan jurang hasil : IADA Pulau Pinang

Faktor sosiologi vs jurang hasil	N	Peratus (%)	Pearson Chi-Square	Symmetric measures (Cramer's V)	Approx. sig.
Pengetahuan	59	98.3	26.715	0.389	0.772
Maklumat 1	48	80.0	29.061	0.449	0.218
Maklumat 2	55	91.7	9.711	0.243	0.641
Persekitaran 1	60	100.0	26.697	0.385	0.480
Persekitaran 2	58	96.7	23.655	0.369	0.071*
Amalan 1	60	100.0	23.490	0.361	0.318
Amalan 2	59	98.3	17.420	0.314	0.294
Pandangan 1	56	93.3	18.488	0.332	0.618
Pandangan 2	60	100.0	23.895	0.364	0.298
Aktiviti lapang	60	100.0	4.326	0.190	0.633

\*signifikan pada aras keertian 0.1

## 11.4.2 Impak sosiologi penggunaan input subsidi kepada pendapatan petani

### 11.4.2.1 Faktor-faktor sosiologi penggunaan input subsidi

Variabel bebas yang dikaji ialah keberkesanan subsidi terhadap peningkatan hasil padi. Petani ditanya sama ada subsidi input dan operasi yang diterima memberi kesan kepada peningkatan hasil padi mereka. Teori modenisasi oleh Harrod-Domar diadaptasi dalam faktor ini. Dalam teori ini, Harrod dan Domar mengatakan pembangunan akan terlaksana dengan baik jika terdapat penyedia modal dan investasi yang tinggi. Petani ditanya sama ada subsidi input dan operasi yang diterima memberi kesan kepada peningkatan hasil padi.

**Jadual 11.10:** Faktor-faktor keberkesanan subsidi yang diterima terhadap peningkatan hasil padi

Faktor keberkesanan
Keberkesanan input baja semburan dedaun
Keberkesanan input baja sebatian
Keberkesanan operasi membajak
Keberkesanan input baja tambahan
Keberkesanan input kapur dan upah
Keberkesanan input urea
Keberkesanan input penggalak pencambahan benih
Keberkesanan input tonik tanaman
Keberkesanan input baja organik
Keberkesanan input racun

Variabel bersandar yang dikaji ialah kesan penggunaan subsidi input dan harga padi terhadap beberapa aktiviti penanaman, masalah di sawah dan peningkatan serta penyelesaian hidup petani. Beberapa teori tindakan diadaptasi dalam faktor ini. Petani diminta memberi pendapat sama ada tindakan mereka menerima dan menggunakan subsidi input dan harga padi memberi kesan kepada mereka.

Analisis faktor dalam *Jadual 11.11* menunjukkan terdapat dua komponen utama yang mewakili 67% faktor ini iaitu faktor kesan subsidi1 yang menunjukkan item kesan subsidi yang berkurang dan faktor kesan subsidi2 yang menunjukkan kesan subsidi yang bertambah.

Terdapat satu lagi variabel bersandar yang dimasukkan dalam kajian ini iaitu tahap kepuasan petani terhadap pendapatan yang mereka peroleh hasil daripada penanaman padi.

**Jadual 11.11:** Analisis faktor kesan penggunaan subsidi input dan harga padi

KMO and Bartlett's Test		
Kaiser-Meyer-Olkin Measure of Sampling Adequacy.		.659
Bartlett's Test of Sphericity	Approx. Chi-Square	312.293
	df	28
	Sig.	.000

Nota: Bartlett's Test of Sphericity signifikan pada  $p < 0.000$  dan Kaiser-Meyer-Olkin diterima pada nilai  $> 0.60$

	Komponen	
	Kesan. subsidi 1	Kesan. subsidi 2
Kesan subsidi terhadap masalah penyakit dan perosak	0.914	
Kesan subsidi terhadap masalah rumpai	0.881	
Kesan subsidi terhadap pengurangan kos pengeluaran	0.779	
Kesan subsidi terhadap kos upah	0.603	
Kesan subsidi terhadap peningkatan pendapatan		0.882
Kesan subsidi terhadap keselesaan hidup		0.737
Kesan subsidi terhadap aktiviti di sawah		0.875
Kesan subsidi terhadap kesuburan tanah		0.569
Initial Eigenvalues (Cumulative %)	69.59%	

#### 11.4.2.2 Faktor-faktor sosiologi yang memberi impak terhadap penggunaan input subsidi

Bagi mengkaji faktor-faktor sosiologi yang memberi impak terhadap penggunaan input subsidi, hipotesis 2 digunakan:-

2.  $H_0$  = tiada hubungan yang signifikan di antara faktor sosiologi penggunaan input subsidi dengan kesan subsidi dan pendapatan petani

Terdapat tiga variabel bersandar yang dikaji iaitu:-

$Y_1$  = keberkesanan subsidi yang berkurang

– Masalah penyakit, rumpai & perosak, kos pengeluaran dan kos upah

$Y_2$  = keberkesanan subsidi yang meningkat

–Aktiviti di sawah, kesuburan tanah, pendapatan dan keselesaan hidup

$Y_3$  = kepuasan terhadap pendapatan

Variabel bebas yang dikaji ialah seperti berikut:-

X : Faktor keberkesanan subsidi

1. Baja Sebatian
2. Baja urea
3. Baja tambahan
4. Racun perosak
5. Penggalak pencambahan benih
6. Baja semburan dedaun

7. Tonik tanaman
8. Baja organik
9. Kapur dan upah
10. Membajak
11. Subsidi harga padi

Analisis Pearson ki kuasa dua dan Symmetric measures – Cramer's V dijalankan untuk melihat kekuatan hubungan antara variabel.

- i. Analisis terhadap kesan subsidi yang berkurang

*Lampiran 11.1* ialah analisis keseluruhan petani terhadap kesan subsidi yang berkurang. Hasil kajian mendapati tiga jenis subsidi mempunyai hubungan yang signifikan iaitu subsidi penggalak pencambahan benih dan operasi membajak (signifikan pada aras keertian 0.05) serta subsidi harga padi (signifikan pada aras keertian 0.1). Ujian kekuatan hubungan antara variabel menunjukkan hubungan kesemua subsidi yang signifikan ini dengan kesan subsidi adalah sederhana kerana nilai Cramer's V berada di antara 0.3 – 0.5.

Analisis petani di MADA (*Lampiran 11.2*) menunjukkan terdapat lima jenis subsidi yang mempunyai hubungan yang signifikan dengan kesan subsidi yang berkurang. Subsidi operasi membajak dan harga padi mempunyai hubungan yang signifikan pada aras keertian 0.01. subsidi penggalak pencambahan benih dan tonik tanaman signifikan pada aras keertian 0.05, manakala subsidi racun perosak signifikan pada aras keertian 0.1. Kesemua jenis subsidi mempunyai kekuatan hubungan yang sederhana. Hanya subsidi tonik tanaman mempunyai kekuatan hubungan yang kuat dengan kesan subsidi yang berkurang.

*Lampiran 11.3* menunjukkan terdapat tiga jenis subsidi yang mempunyai hubungan signifikan dengan kesan subsidi berkurang di IADA Pulau Pinang. Jenis subsidi urea dan penggalak pencambahan benih signifikan pada aras keertian 0.01 dan mempunyai hubungan yang kuat dengan kesan subsidi ini kerana nilai Cramer's V yang tinggi melebihi 0.5. Subsidi baja tambahan signifikan pada aras keertian 0.1 dengan hubungan kekuatan yang sederhana.

- ii. Analisis terhadap kesan subsidi yang bertambah

*Lampiran 11.4* ialah analisis keseluruhan petani terhadap kesan subsidi yang bertambah. Hasil kajian mendapati tiga jenis subsidi mempunyai hubungan yang signifikan dengan kesan subsidi ini iaitu operasi membajak yang signifikan pada aras keertian 0.01 dengan kekuatan hubungan yang sederhana. Seterusnya subsidi urea serta subsidi kapur dan upah yang signifikan pada aras keertian 0.05.

Analisis petani di MADA (*Lampiran 11.5*) menunjukkan terdapat lima jenis subsidi yang mempunyai hubungan signifikan dengan kesan subsidi bertambah. Subsidi urea, tonik tanaman dan operasi membajak signifikan pada aras keertian 0.01 dengan kekuatan hubungan yang tinggi (Cramer's V melebihi 0.5). Subsidi penggalak pencambahan dedaun signifikan pada aras keertian 0.05, manakala subsidi kapur dan upah signifikan pada aras keertian 0.1.

*Lampiran 11.6* menunjukkan terdapat tiga jenis subsidi yang mempunyai hubungan signifikan dengan kesan subsidi bertambah di IADA Pulau Pinang. Subsidi operasi membajak dan penggalak pencambahan benih signifikan pada aras keertian 0.01 dengan kekuatan hubungan yang tinggi. Manakala subsidi baja sebatian signifikan dengan kekuatan hubungan yang sederhana.

iii. Analisis terhadap kepuasan pendapatan

*Lampiran 11.7* ialah analisis keseluruhan petani di kedua-dua jelang terhadap kepuasan pendapatan daripada hasil padi. Hasil kajian mendapati terdapat enam jenis subsidi mempunyai hubungan yang signifikan iaitu subsidi baja tambahan dan baja organik (pada aras keertian 0.01), subsidi penggalak pencambahan benih, baja semburan dedaun, tonik tanaman dan operasi membajak (pada aras keertian 0.05). Kesemua hubungan mempunyai tahap kekuatan sederhana iaitu nilai Cramer's V di antara 0.3 – 0.5. Hanya subsidi membajak mempunyai kekuatan hubungan yang lemah iaitu di antara 0.1 – 0.3.

Analisis petani di MADA (*lampiran 11.8*) menunjukkan empat jenis subsidi mempunyai hubungan yang signifikan iaitu subsidi baja tambahan (pada aras keertian 0.01), subsidi penggalak pencambahan benih (pada aras keertian 0.05), subsidi urea dan baja organik (pada aras keertian 0.1). Kesemua jenis subsidi ini mempunyai kekuatan hubungan yang sederhana.

*Lampiran 11.9* menunjukkan terdapat empat jenis subsidi yang mempunyai hubungan yang signifikan dengan kepuasan pendapatan petani di IADA Pulau Pinang. Subsidi harga padi signifikan pada aras keertian 0.01 dengan kekuatan hubungan yang tinggi. Subsidi tonik tanaman signifikan pada aras keertian 0.05 dengan kekuatan hubungan yang tinggi juga. Subsidi racun perosak dan baja organik signifikan pada aras keertian 0.05 tetapi kekuatan hubungan adalah sederhana.

## 11.5 SARANAN

Berdasarkan hasil kajian, beberapa saranan dikemukakan:-

1. Agensi perlu meningkatkan usaha menyedarkan petani tentang kepentingan maklumat pengurusan lepas tuai, amalan pertanian dan pengurusan tanah untuk meningkatkan hasil padi.
2. Agensi juga perlu menambah bantuan pembajaan dan kewangan / subsidi yang bersesuaian kepada petani.
3. Agensi perlu meningkatkan teknologi yang berkaitan peralatan di sawah dan teknologi pengairan kerana ia banyak membantu petani meningkatkan hasil padi.
4. Petani perlu diberi kesedaran cara-cara untuk mengatasi masalah persekitaran seperti keadaan tanah, sumber air dan pengurusan sisa jerami.
5. Petani juga perlu meningkatkan pengetahuan terhadap amalan-amalan yang penting untuk meningkatkan hasil padi seperti kawalan rumpai, perosak dan penyakit yang betul, kaedah penuaian yang perlu dipantau dan pengaruh musim, cuaca dan sumber air.
6. Petani juga perlu mengambil berat kualiti benih dan kadar penggunaan yang optima, kualiti petak sawah dan nutrien tanah untuk menyuburkan sawah mereka.
7. Agensi perlu mengkaji semula kualiti subsidi input yang diberikan kepada petani seperti baja dan racun yang bersesuaian.


## 11.6 RUMUSAN

Secara keseluruhan, jurang hasil petani di kedua-dua jelapang dipengaruhi oleh empat faktor iaitu maklumat 1, persekitaran 2, amalan 1 dan amalan 2 (Rajah 11.3). Jika dilihat dikaji secara berasingan, faktor yang mempengaruhi jurang hasil petani di MADA hanya satu iaitu amalan 1 (Rajah 11.4), manakala di IADA Pulau Pinang juga satu faktor iaitu persekitaran 2 (Rajah 11.5). Item yang termasuk di dalam faktor-faktor sosiologi tersebut ialah:-

- Maklumat 1
  - Keberkesanan maklumat pengurusan lepas tuai
  - Keberkesanan teknologi peralatan sawah
  - Keberkesanan maklumat amalan pertanian
  - Keberkesanan bantuan pembajaan
  - Keberkesanan teknologi pengairan
  - Keberkesanan maklumat pengurusan tanah
  - Keberkesanan bantuan kewangan / subsidi
- Persekitaran 2
  - Pengaruh keadaan tanah (jenis / topografi)
  - Pengaruh sumber air
  - Pengaruh pengurusan sisa jerami
- Amalan 1
  - Pengaruh amalan kawalan rumpai
  - Pengaruh amalan kawalan perosak/penyakit
  - Pengaruh kecekapan penuaian
  - Pengaruh musim/keadaan cuaca
  - Pengaruh status air
- Amalan 2
  - Pengaruh amalan penggunaan kadar benih
  - Pengaruh kualiti benih
  - Pengaruh kualiti petak sawah
  - Pengaruh status nutrien tanah



**Rajah 11.3:** Faktor yang mempengaruhi jurang hasil padi petani secara keseluruhan



**Rajah 11.4:** Faktor yang mempengaruhi jurang hasil padi petani di MADA



**Rajah 11.5:** Faktor yang mempengaruhi jurang hasil padi petani di IADA Pulau Pinang

Keberkesanan subsidi yang diterima oleh petani mempunyai hubungan dengan beberapa faktor bersandar iaitu kesan subsidi yang berkurang, kesan subsidi yang bertambah dan kepuasan pendapatan. *Jadual 11.12* menunjukkan subsidi penggalak pencambahan benih memberi kesan subsidi yang berkurang kepada kesemua jelapang. Subsidi ini telah menyebabkan masalah penyakit, rumpai dan perosak berkurang, kos pengeluaran dan kos upah juga didapati berkurang.

*Jadual 11.13* menunjukkan subsidi operasi membajak membantu kesemua jelapang menambah kesuburan tanah, meningkatkan pendapatan dan kesejahteraan hidup. Manakala *Jadual 11.14* menunjukkan keberkesanan subsidi yang mempengaruhi kesemua jelapang yang dikaji terhadap kepuasan pendapatan ialah subsidi baja organik.



**Jadual 11.12:** Faktor keberkesanan subsidi yang mempunyai hubungan dengan kesan subsidi yang berkurang : keseluruhan, MADA dan IADA Pulau Pinang

X: Faktor keberkesanan subsidi vs $Y_1$ : Kesan subsidi yang berkurang	Keseluruhan	MADA	IADA Pulau Pinang
Baja sebatian			
Baja urea			√
Baja tambahan			√
Racun perosak		√	
Penggalak pencambahan benih	√	√	√
Baja semburan dedaun			
Tonik tanaman		√	
Baja organik			
Kapur dan upah			
Membajak	√	√	
Subsidi harga padi	√	√	

**Jadual 11.13:** Faktor keberkesanan subsidi yang mempunyai hubungan dengan kesan subsidi yang bertambah : keseluruhan, MADA dan IADA Pulau Pinang

X: Faktor keberkesanan subsidi vs $Y_2$ : Kesan subsidi yang bertambah	Keseluruhan	MADA	IADA Pulau Pinang
Baja sebatian			√
Baja urea	√	√	
Baja tambahan			
Racun perosak			
Penggalak pencambahan benih		√	√
Baja semburan dedaun			
Tonik tanaman		√	
Baja organik			
Kapur dan upah	√	√	
Membajak	√	√	√
Subsidi harga padi			

**Jadual 11.14:** Faktor keberkesanan subsidi yang mempunyai hubungan dengan kepuasan pendapatan: keseluruhan, MADA dan IADA Pulau Pinang

X: Faktor keberkesanan subsidi vs $Y_3$ : Kepuasan terhadap pendapatan	Keseluruhan	MADA	IADA Pulau Pinang
Baja sebatian			
Baja urea		√	
Baja tambahan	√	√	
Racun perosak			√
Penggalak pencambahan benih	√	√	
Baja semburan dedaun	√		
Tonik tanaman	√		√
Baja organik	√	√	√
Kapur dan upah			
Membajak	√		
Subsidi harga padi			√

## 11.7 RUJUKAN

- Ahmad Hashim. (2014). Panduan analisis data secara efisien: panduan lengkap berajah untuk menganalisis data. Dubook Press Sdn. Bhd.
- Anon. (2016). 6 teori-teori modernisasi. Atas talian: <http://www.perpusku.com /2016/05/6-teori-teori-modernisasi.html>
- Anon. Kajian Masyarakat Pertanian di Indonesia dari berbagai teori sosiologi. Atas talian: <https://www.scribd.com/doc/109081315/Kajian-Pertanian-Di-Indonesia-Dari-Berbagai-Teori-Sosiologi>
- Anon. Coefficients for measuring association. Atas talian: <http://www.acastat.com/statbook/chisqassoc.htm>
- Bhasah Abu Bakar. (2007). Kaedah analisis data penyelidikan ilmiah. Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.
- Najeemah Mohd Yusof. (2010). Perspektif sosiologi dalam fungsi sosial pendidikan di Malaysia. Jurnal Sosiologi Pendidikan. DP.vjilid 10. Bil1/2010. m/s. 37-49.
- Ritzer, G dan Goodman Douglas J. (2005). Teori Sosiologi Modern. Terjemahan Alimandan. Jakarta:Prenada Media.
- Rosnani Harun. (2016). Kajian penandaarasan dan memprospek Teknologi Pengeluaran padi. Laporan Kajian Sosioekonomi 2015, Pusat Penyelidikan Ekonomi dan Sains Sosial, MARDI.

## 11.8 LAMPIRAN

**Lampiran 11.1:** Analisis hubungan jenis subsidi dengan kesan subsidi yang berkurang: keseluruhan

Faktor sosiologi vs $Y_1$ : Kesan subsidi 1	N	Peratus	Pearson Chi-Square	Symmetric measures (Cramer's V)	Approx. sig.
Baja Sebatian	118	98.3%	8.177	0.263	0.317
Urea	118	98.3%	15.975	0.260	0.315
Baja tambahan	113	94.2%	17.437	0.278	0.234
Racun perosak	83	69.2%	11.095	0.259	0.679
Penggalak pencambahan benih	78	65.0%	24.567	0.397	0.017**
Baja semburan dedaun	39	32.5%	10.080	0.166	0.982
Tonik tanaman	37	30.8%	4.689	0.356	0.584
Baja organik	85	70.8%	17.199	0.318	0.246
Kapur dan upah	45	37.5%	17.609	0.442	0.128
Membajak	96	80.0%	24.422	0.357	0.041**
Harga padi	108	90.0%	22.523	0.323	0.068*

\*signifikan pada aras keertian 0.1

\*\*signifikan pada aras keertian 0.05

\*\*\*signifikan pada aras keertian 0.01

**Lampiran 11.2:** Analisis hubungan jenis subsidi dengan kesan subsidi yang berkurang: MADA

Faktor sosiologi vs $Y_1$ :Kesan subsidi 1	N	Peratus	Pearson Chi-Square	Symmetric measures (Cramer's V)	Approx. sig.
Baja Sebatian	59	98.3%	3.074	0.228	0.689
Urea	59	98.3%	1.706	0.170	0.888
Baja tambahan	59	98.3%	2.476	0.205	0.780
Racun perosak	35	58.3%	13.603	0.441	0.093*
Penggalak pencambahan benih	49	81.7%	22.722	0.482	0.012**
Baja semburan dedaun	14	23.3%	-	-	-
Tonik tanaman	15	25.0%	7.012	0.684	0.030**
Baja organik	34	56.7%	4.107	0.348	0.250
Kapur dan upah	14	23.3%	4.101	0.541	0.129
Membajak	56	93.3%	26.289	0.484	0.003***
Harga padi	53	88.3%	26.548	0.500	0.001***

\*signifikan pada aras keertian 0.1

\*\*signifikan pada aras keertian 0.05

\*\*\*signifikan pada aras keertian 0.01

- no statistics are computed because factor is a constant

**Lampiran 11.3:** Analisis hubungan jenis subsidi dengan kesan subsidi yang berkurang : IADA Pulau Pinang

Faktor sosiologi vs $Y_1$ :Kesan subsidi 1	N	Peratus	Pearson Chi-Square	Symmetric measures (Cramer's V)	Approx. sig.
Baja Sebatian	59	98.3%	10.049	0.413	0.186
Urea	59	98.3%	37.989	0.567	0.001***
Baja tambahan	54	90.0%	22.661	0.458	0.066*
Racun perosak	48	80.0%	17.641	0.429	0.224
Penggalak pencambahan benih	29	48.3%	19.859	0.828	0.003***
Baja semburan dedaun	25	41.7%	2.679	0.327	0.848
Tonik tanaman	22	36.7%	6.433	0.541	0.376
Baja organik	51	85.0%	11.870	0.341	0.617
Kapur dan upah	31	51.7%	15.006	0.492	0.241
Membajak	40	66.7%	20.778	0.510	0.107
Harga padi	55	91.7%	9.518	0.416	0.218

\*signifikan pada aras keertian 0.1

\*\*signifikan pada aras keertian 0.05

\*\*\*signifikan pada aras keertian 0.01

**Lampiran 11.4:** Analisis hubungan jenis subsidi dengan kesan subsidi yang bertambah : keseluruhan

Faktor sosiologi vs Y <sub>2</sub> :Kesan subsidi 2	N	Peratus	Pearson Chi-Square	Symmetric measures (Cramer's V)	Approx. sig.
Baja Sebatian	115	95.8%	3.037	0.163	0.552
Urea	115	95.8%	15.569	0.260	0.049**
Baja tambahan	110	91.7%	5.190	0.154	0.737
Racun perosak	80	66.7%	9.158	0.239	0.329
Penggalak pencambahan benih	75	62.5%	12.024	0.283	0.150
Baja semburan dedaun	37	30.8%	3.198	0.294	0.525
Tonik tanaman	36	30.0%	2.164	0.145	0.706
Baja organik	83	69.2%	12.943	0.279	0.114
Kapur dan upah	44	36.7%	19.064	0.465	0.015**
Membajak	93	77.5%	37.967	0.452	0.000***
Harga padi	105	87.5%	8.170	0.197	0.417

\*signifikan pada aras keertian 0.1

\*\*signifikan pada aras keertian 0.05

\*\*\*signifikan pada aras keertian 0.01

**Lampiran 11.5:** Analisis hubungan jenis subsidi dengan kesan subsidi yang bertambah : MADA

Faktor sosiologi vs Y <sub>2</sub> :Kesan subsidi 2	N	Peratus	Pearson Chi-Square	Symmetric measures (Cramer's V)	Approx. sig.
Baja Sebatian	58	96.7%	6.975	0.347	0.137
Urea	58	96.7%	19.251	0.576	0.001***
Baja tambahan	58	96.7%	7.001	0.347	0.136
Racun perosak	34	56.7%	10.079	0.385	0.121
Penggalak pencambahan benih	48	80.0%	13.052	0.369	0.042**
Baja semburan dedaun	14	23.3%	-	-	-
Tonik tanaman	15	25.0%	10.673	0.844	0.005***
Baja organik	34	56.7%	2.051	0.246	0.562
Kapur dan upah	14	23.3%	5.631	0.634	0.060*
Membajak	55	91.7%	28.012	0.505	0.000***
Harga padi	52	86.7%	8.408	0.284	0.395

\*signifikan pada aras keertian 0.1

\*\*signifikan pada aras keertian 0.05

\*\*\*signifikan pada aras keertian 0.01

- no statistics are computed because factor is a constant

**Lampiran 11.6:** Analisis hubungan jenis subsidi dengan kesan subsidi yang bertambah : IADA Pulau Pinang

Faktor sosiologi vs $Y_2$ :Kesan subsidi 2	N	Peratus	Pearson Chi-Square	Symmetric measures (Cramer's V)	Approx. sig.
Baja Sebatian	57	95.0%	14.119	0.498	0.007***
Urea	57	95.0%	7.374	0.254	0.497
Baja tambahan	52	86.7%	9.843	0.308	0.276
Racun perosak	46	76.7%	10.986	0.346	0.202
Penggalak pencambahan benih	27	45.0%	15.429	0.756	0.004***
Baja semburan dedaun	23	38.3%	1.626	0.266	0.804
Tonik tanaman	21	35.0%	1.763	0.290	0.779
Baja organik	49	81.7%	8.239	0.290	0.410
Kapur dan upah	30	50.0%	11.935	0.446	0.154
Membajak	38	63.3%	26.128	0.586	0.001***
Harga padi	53	88.3%	1.768	0.183	0.778

\*signifikan pada aras keertian 0.1

\*\*signifikan pada aras keertian 0.05

\*\*\*signifikan pada aras keertian 0.01

**Lampiran 11.7:** Analisis hubungan jenis subsidi dengan kepuasan pendapatan : keseluruhan

Faktor sosiologi vs $Y_3$ :Kepuasan pendapatan	N	Peratus	Pearson Chi-Square	Symmetric measures (Cramer's V)	Approx. sig.
Baja Sebatian	101	84.2%	5.017	0.223	0.171
Urea	101	84.2%	8.893	0.210	0.180
Baja tambahan	97	80.8%	18.634	0.310	0.005***
Racun perosak	70	58.3%	6.556	0.216	0.364
Penggalak pencambahan benih	65	54.2%	12.188	0.306	0.016**
Baja semburan dedaun	37	30.8%	8.479	0.479	0.014**
Tonik tanaman	35	29.2%	7.427	0.461	0.024**
Baja organik	72	60.0%	17.914	0.353	0.006***
Kapur dan upah	40	33.3%	7.473	0.306	0.113
Membajak	80	66.7%	11.759	0.271	0.019**
Harga padi	94	66.7%	4.582	0.221	0.205

\*signifikan pada aras keertian 0.1

\*\*signifikan pada aras keertian 0.05

\*\*\*signifikan pada aras keertian 0.01

**Lampiran 11.8:** Analisis hubungan jenis subsidi dengan kepuasan pendapatan : MADA

Faktor sosiologi vs Y <sub>3</sub> :Kepuasan pendapatan	N	Peratus	Pearson Chi-Square	Symmetric measures (Cramer's V)	Approx. sig.
Baja Sebatian	48	80.0%	3.746	0.279	0.154
Urea	48	80.0%	5.543	0.340	0.063*
Baja tambahan	48	80.0%	12.182	0.504	0.002***
Racun perosak	26	43.3%	2.167	0.204	0.705
Penggalak pencambahan benih	39	65.0%	13.320	0.413	0.010**
Baja semburan dedaun	14	23.3%	-	-	-
Tonik tanaman	14	23.3%	-	-	-
Baja organik	26	43.3%	5.306	0.452	0.070*
Kapur dan upah	14	23.3%	-	-	-
Membajak	45	75.0%	7.459	0.288	0.114
Harga padi	45	75.0%	1.346	0.173	0.510

\*signifikan pada aras keertian 0.1

\*\*signifikan pada aras keertian 0.05

\*\*\*signifikan pada aras keertian 0.01

- no statistics are computed because factor is a constant

**Lampiran 11.9:** Analisis hubungan jenis subsidi dengan kepuasan pendapatan : IADA Pulau Pinang

Faktor sosiologi vs Y <sub>3</sub> :Kepuasan pendapatan	N	Peratus	Pearson Chi-Square	Symmetric measures (Cramer's V)	Approx. sig.
Baja Sebatian	53	88.3%	1.606	0.174	0.658
Urea	53	88.3%	4.859	0.214	0.562
Baja tambahan	49	81.7%	6.794	0.263	0.340
Racun perosak	44	73.3%	14.132	0.401	0.028**
Penggalak pencambahan benih	26	43.3%	4.418	0.412	0.110
Baja semburan dedaun	23	38.3%	4.966	0.465	0.082
Tonik tanaman	21	35.0%	7.869	0.612	0.020**
Baja organik	46	76.7%	16.051	0.418	0.013**
Kapur dan upah	26	43.3%	3.233	0.249	0.520
Membajak	35	58.3%	4.611	0.363	0.100
Harga padi	49	81.7%	15.112	0.555	0.002***

\*signifikan pada aras keertian 0.1

\*\*signifikan pada aras keertian 0.05

\*\*\*signifikan pada aras keertian 0.01